

---

**UNDANG-UNDANG BRUNEI**

**EDISI SEMAKAN 1984**

**PENGGAL 71**

**ELEKTRIK**

**SUSUNAN BAB**

Bab

1. Gelaran pendek.
2. Lesen dikehendaki untuk menggunakan alat bagi pembekalan tenaga elektrik.
3. Kuasa membuat peraturan-peraturan.

## AKTA ELEKTRIK

Satu Akta untuk mengadakan syarat bagi mengatur dan mengawal pemasangan-pemasangan elektrik dan bagi penghasilan, pembekalan serta penggunaan tenaga elektrik.

4 tahun 1972.

*Permulaan kuatkuasa : 5hb Mac, 1973.*

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Elektrik.

Gelaran Pendek.

2. Tertakluk kepada pengecualian-pengecualian yang boleh ditentukan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah ini, tiada seseorang pun boleh —

Lesen  
dikehendaki  
untuk  
menggunakan  
alat bagi  
pembekalan  
tenaga  
elektrik.

(a) menggunakan, mengerjakan atau menjalankan atau membenarkan supaya digunakan, dikerjakan atau dijalankan sebarang kilang, alat atau mesin yang dibentuk kerana pembekalan atau penggunaan tenaga elektrik ; atau

(b) membekalkan kepada atau bagi kegunaan sebarang orang lain tenaga daripada sebarang kilang, alat, atau mesin yang dibentuk kerana pembekalan atau penggunaan tenaga elektrik,

kecuali di bawah dan menurut syarat-syarat sesuatu lesen di bawah Akta ini yang membenarkan dengan tegasnya penggunaan atau pembekalan sedemikian, mengikut keadaannya.

3. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut :—

Kuasa  
membuat  
peraturan-  
peraturan.

(a) menentukan syarat-syarat yang lesen-lesen boleh dikeluarkan dan perlanjutan, penggantungan dan pembatalannya serta bayaran-bayaran yang boleh dikenakan ke atasnya ;

(b) mengatur penggunaan dan pengurusan mana-mana mesin, alat, kawat-kawat atau pemasangan yang didirikan setelah berjalannya kuatkuasa peraturan-peraturan ini dan digunakan bagi menghasilkan, mengubah, menukar, membawa atau membekalkan tenaga elektrik, supaya memperlindungi keselamatan

pemakai-pemakai atau pekerja-pekerja serta orang awam daripada cacat cedera dengan sebab penggunaan sedemikian ;

(c) mengecualikan dari peraturan-peraturan yang dibuat di bawah ini atau mana-mana satu daripadanya —

- (i) sebarang mesin, alat, kawat-kawat atau pemasangan yang telah pun didirikan bilamana berjalan kuatkuasa Akta ini dan telah digunakan bagi menghasilkan, mengubah, menukar, membawa atau membekalkan tenaga elektrik ;
- (ii) sebarang pemasangan atau sebahagian daripadanya yang dippunyai oleh atau dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan atau sebarang penguasa dalam Negeri ;
- (iii) sebarang jenis pemasangan atau alat khas yang lain ;

(d) mengatur pemasangan kawat di bangunan dan pemasangan kelengkapan, perkakas dan alat elektrik yang lain ;

(e) menentukan masa-masanya dan caranya yang sebarang mesin, alat, kawat-kawat atau pemasangan bagi pembekalan tenaga elektrik hendak diperiksa, notis (jika ada) yang akan diberi berhubung dengan pemeriksaan-pemeriksaan dan persediaan-persediaan yang akan dibuat oleh pemegang-pemegang lesen dan pengelolaan pemeriksaan-pemeriksaan sedemikian ;

(f) menentukan bentuk dan pembinaan pemasangan-pemasangan, kawat-kawat atau alat bagi pembekalan tenaga elektrik ;

(g) menentukan syarat-syarat dan ketentuan-ketentuan bagi pembekalan tenaga elektrik ; dan bayaran-bayaran yang akan dikenakan bersabit dengannya ;

(h) mengatur cara tenaga elektrik hendak disukat dan dibenarkan supaya, atau dilarang dari, dibekalkan atau digunakan ;

- (i) menentukan bagi mengatur dan mengubah jenis, tekanan dan kalanya tenaga elektrik yang dibekalkan itu ;
- (j) menentukan ukuran-ukuran yang akan dipakai bagi menyukat besarnya pemasangan dan alat elektrik ;
- (k) menentukan kelayakan-kelayakan yang akan dipunyai oleh orang-orang sebelum mereka boleh diamanatkan tanggungjawab terhadap pemasangan elektrik atau kawalan perjalanan alat elektrik ;
- (l) mengatur cara melaksanakan perubahan-perubahan kepada pemasangan-pemasangan elektrik yang sedang berjalan ;
- (m) menentukan jenis notis-notis dan cara menyampaikannya dan rekod-rekod yang akan disimpan bersabit dengan pemasangan-pemasangan bagi pembekalan tenaga elektrik, pemeriksaan-pemeriksaan dan sebarang perkara lain yang berhubung dengan Akta ini dan caranya dan orang yang akan menyimpannya ;
- (n) menentukan cara mengira kuasa “generator-generator” dan “motor-motor” ;
- (o) mengenakan denda terhadap pelanggaran sebarang peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini ;
- (p) menentukan sebarang perkara terhadap mana mungkin nampaknya perlu membuat peraturan-peraturan bagi menjalankan syarat-syarat Akta ini dengan lebih baik lagi.

**UNDANG-UNDANG TAMBAHAN**

PERINGATAN : Tiada terdapat undang-undang tambahan.